



APPLIED HISTORY JOURNAL OF MERONG MAHAWANGSA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ahjmm>

How to cite this article:

Muhammad Aiman Hakim Lokman Hakim, Nurhijrah Zakaria. (2025). Institusi Muzium Negeri Terengganu sebagai sumber pembelajaran sejarah sekolah rendah: Satu sudut pandang kurator. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 3(6), 71-88. <https://doi.org/10.32890/ahjmm2025.3.6>

INSTITUSI MUZIUM NEGERI TERENGGANU SEBAGAI SUMBER PEMBELAJARAN SEJARAH SEKOLAH RENDAH: SATU SUDUT PANDANG KURATOR

*(The Terengganu State Museum Institution As A Source Of
Primary School History Learning:
A Curator's Perspective)*

¹ **Muhammad Aiman Hakim Bin Lokman Hakim**

² **Nurhijrah Binti Zakaria**

^{1&2}Jabatan Sains Sosial

Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Dato' Razali Ismail
21030, Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman

¹*Corresponding author: 436-aiman@ipgkdri.edu.my*

Received: 18/1/2025

Revised: 11/4/2025

Accepted: 21/4/2025

Published: 31/7/2025

ABSTRAK

Institusi muzium merupakan sebuah institusi yang berautoriti dalam menyimpan segala macam khazanah berharga yang memiliki nilai sejarahnya tersendiri. Muzium memainkan peranan terpenting dalam membawa masyarakat sosial lebih memahami dan menghayati sejarah negara bangsanya melalui aspek penglihatan, pendengaran, pengalamian, pengalaman dan sentuhan. Namun, peranan muzium sering disalahtafsirkan sebagai tempat penyimpanan artifak silam semata sedangkan peranan muzium meliputi pelbagai bidang disiplin ilmu yang

boleh diterokai. Objektif kajian ini adalah meneliti peranan Muzium Negeri Terengganu sebagai sumber pembelajaran sejarah dalam konteks pendidikan sejarah sekolah rendah dan menganalisis perkaitan Muzium Negeri Terengganu dengan sukatan kurikulum sejarah sekolah rendah. Metodologi kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes bagi mendapatkan maklumat secara mendalam. Pengkaji telah memilih Muzium Negeri Terengganu sebagai sampel kes yang ingin dikaji dan seramai dua orang kurator muzium dipilih sebagai pensampelan bertujuan (*purposive*). Kajian ini juga menggunakan kaedah pemerhatian tidak turut serta dan menganalisis buku laporan program muzium. Hasil daripada dapatan data, pengkaji menggunakan analisis bertema secara induktif. Kajian ini berpotensi memberikan nafas baharu kepada guru dan murid dalam merancang strategi dan kaedah pembelajaran sejarah yang bersifat inovatif dengan menggunakan pendekatan pembelajaran di luar bilik darjah dan meneroka bahan bukti bersejarah. Kajian muzium wajar diperluas dan perlu diteroka dengan menganalisis kandungan muzium dengan kandungan kurikulum sejarah yang boleh dilakukan oleh pihak muzium, institusi pendidikan dan penggubal dasar dalam memperkasa peranan muzium di negara ini.

Kata kunci: Muzium Negeri Terengganu, kaedah pembelajaran, peranan muzium, sumber pembelajaran Sejarah, kurator muzium

ABSTRACT

The museum institution is an authoritative entity in storing various valuable treasures that have their own historical significance. Museums play a crucial role in helping the social community better understand and appreciate the history of their nation through aspects of sight, hearing, experience, and touch. However, the role of museums is often misunderstood as merely a place for storing ancient artifacts, whereas the role of a museum encompasses various fields of knowledge that can be explored. The objective of this study is to examine the role of the Terengganu State Museum as a source of historical learning in the context of primary school history education and to analyze the correlation between the Terengganu State Museum and the primary school history curriculum. This study uses a qualitative research methodology with a case study design to obtain in-depth information. The researcher has selected the Terengganu State Museum as the case sample for the study, with two museum curators chosen as purposive samples. This study also employs the non-participant observation method and analyzes museum program report books. Based on the data findings, the researcher uses thematic analysis inductively. This study has the potential to provide a fresh perspective for teachers and students in planning innovative strategies and methods for teaching history by using out-of-classroom learning approaches and exploring historical evidence. The study of museums should be expanded and explored by analyzing museum contents alongside the history curriculum, which can be done by museums, educational institutions, and policy makers to strengthen the role of museums in this country.

Keywords: Terengganu State Museum, learning methods, role of the museum, historical learning resources, museum curator

PENGENALAN

Menurut Kamus Dewan dan Pustaka edisi keempat (2007), muzium ialah sebuah bangunan tempat menyimpan, memelihara, mengkaji atau mempamerkan objek-objek yang mempunyai nilai sejarah, seni dan saintifik. *International Council of Museums* (ICOM 1995) pula mengertikan muzium adalah satu institusi tetap yang sentiasa menawarkan perkhidmatan kepada masyarakat, tidak mengaut keuntungan, memperoleh memulihara, penyelidikan pameran, pendidikan, keseronokan dan bahan bukti berkaitan manusia atau masyarakat dan alam sekitar. Manakala, sumber pembelajaran pula ialah apa-apa sahaja yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran termasuklah pengetahuan dan nilai-nilai (Syed Ismail Syed Mustapa et al, 2017). Justeru, dalam konteks kajian ini, Muzium Negeri Terengganu adalah fokus tumpuan yang ingin dikaji sebagai salah satu muzium terbesar di Asia Tenggara dan Muzium Negeri Terengganu amat signifikan dengan artifak Batu Bersurat Terengganu yang asli sebagai bukti arkeologi kedatangan Islam di Alam Melayu. Muzium dan sumber semestinya tidak dapat dipisahkan daripada penubuhan utama muzium iaitu menyalurkan sumber sejarah. Hal ini diperkuatkan lagi dengan Syed Ismail Syed Mustapa et al (2017) mengatakan muzium antara institusi yang boleh dirujuk untuk mendapatkan maklumat sesuatu sumber fakta sejarah. Malaysia merupakan negara dunia ketiga yang berada dalam lingkungan Asia Tenggara di mana Malaysia telah mengalami episod silih berganti penjajahan sejak campur tangan British dalam Perjanjian Pangkor 1874. Ini dilihat kita memiliki pelbagai sejarah pahit manis yang telah dirakam dan disimpan di muzium.

Pendedahan terhadap maklumat sejarah tersebut yang terdapat di muzium akan memberikan gambaran yang lebih tepat dan jelas kepada para pengunjung. Hal ini mendorong kita memahami dengan lebih jelas dan terperinci tentang kepelbagaian jalinan sejarah pahit manis negara. Misalnya, Muzium Negeri Terengganu mempamerkan pelbagai koleksi pameran yang berbentuk objek artifak yang tulen dan asli mengikut tema-tema tertentu. Selain artifak Batu Bersurat Terengganu yang dipamerkan di ruang legar utama Muzium Negeri Terengganu, muzium ini juga kaya dengan kearifan tempatan seperti pembuatan wau, pembinaan kapal layar, kapal dagang, pembuatan seni kraftangan dan penghasilan seni batik. Muzium Negeri Terengganu amat sinonim dengan kepelbagaian corak dan seni budaya dengan reka cipta bangunan berunsurkan kemelayuan dan penerapan Islam sebagai simbolik negeri Islam di Malaysia. Ini jelas sebagaimana Nur Syazwani et al., (2021) bahawa setiap muzium di Malaysia dikhususkan mengikut tema seperti sejarah tempatan, muzik, warisan budaya orang asli dan sejarah maritim. Menurut Zuraidah dan Aimi Khairunisa (2023), muzium merupakan lokasi penyimpanan bahan artifak yang memainkan peranan penting dalam memudahkan pembelajaran pengalaman aktif, menggalakkan bentuk ekspresi dan kecerdasan yang berbeza, menggalakkan pemahaman yang praktikal, terbuka, sepanjang hayat dan meneruskan pembelajaran. Muzium antara strategi dan kaedah pembelajaran yang menyokong elemen Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) dan Elemen Nilai Sivik dan Kewarganegaraan (EKNS) serta dilihat sebagai strategi pembelajaran di luar bilik darjah (PBLD). Muzium menyimpan pelbagai jenis objek, artifak dan manuskrip yang memiliki keseratan nilai sejarah yang boleh diterokai oleh para guru dan murid.

Muzium memainkan peranan sangat penting dalam mencorakkan pembangunan masyarakat sosial dalam negara Malaysia ini. Kajian-kajian lepas berkaitan pendidikan muzium di Muzium Negeri Terengganu masih mendapat perhatian para penyelidik dan pendidik yang berfokuskan kepada amalan pedagogi, pembelajaran muzium, teori pengajaran muzium dan

aktiviti penawaran muzium. Namun, kajian-kajian terkini terhadap peranan muzium Negeri Terengganu dalam pendidikan sejarah sekolah rendah khususnya dilihat terhad dan bersifat baharu pada arena abad ke-21 ini. Kebanyakan skop kajian muzium Negeri Terengganu kurang diberi perhatian dan tidak dikaji secara spesifik dalam kajian-kajian pendidikan muzium di Malaysia. Isu ini telah disokong oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu Muzium Negeri Terengganu antara institusi yang telah diwartakan sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah (PLBD) dalam sukatan kurikulum sejarah sejajar dengan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2019 yang memperkenalkan program 1 Inspirasi 1 Muzium (1P1M). Muzium Negeri Terengganu dalam portal rasmi Muzium Negeri Terengganu (2024) amat komited dalam menyediakan dan menawarkan berbagai-bagai jenis artifak dan program berteraskan pendidikan muzium dalam kalangan murid sekolah rendah khususnya. Kandungan sedia ada di Muzium Negeri Terengganu dilihat sangat luas dan menjangkau tempoh sesuatu peristiwa bersejarah yang mungkin fakta-fakta tertentu tidak diceritakan dalam buku teks sekolah sejarah sekolah rendah.

Cakupan fakta dalam buku teks sejarah sekolah rendah hanya memuatkan fakta-fakta yang telah dipersetujui oleh penggubal dan pakar rujuk berdasarkan sukatan kurikulum sejarah sekolah rendah. Ini sepatutnya dijadikan satu peluang para guru untuk memanfaatkan kefungsi dan peranan muzium itu sendiri secara bijak dan optimum dalam menggarap proses pengagihan ilmu kepada murid-murid sekolah rendah. Kajian-kajian terkini yang diskopkan pendidikan muzium di Muzium Negeri Terengganu sejak 5 tahun kebelakang bermula 2019 sehingga 2024 masih terhad, baharu dan tidak berkembang secara meluas dalam kalangan para penyelidik tempatan untuk menjalankan kajian berkaitan peranan muzium. Misalnya, kajian-kajian terkini seperti kajian Zuraidah dan Aimi (2023) yang mengkaji metod pendidikan warisan dan muzium di Muzium Negara melalui rangsangan deria. Kajian Nur Syazwani et al., (2019) yang menjalankan kajian tinjauan terhadap kaedah pembelajaran sejarah berasaskan lawatan ke muzium. Kajian Abdul Talib (2023) yang mengkaji kes keberkesanan aktiviti pembelajaran sejarah di muzium. Pengkaji mendapati kajian-kajian terkini yang ditemui di Muzium Negeri Terengganu adalah di luar bidang pendidikan mahu pun pembelajaran dalam kalangan murid sekolah rendah. Kajian-kajian seperti Nur Farehah (2021) dan Asma (2023) dari Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang membuat kajian lapangan di Muzium Negeri Terengganu tidak memberi penekanan secara mendalam mengenai sumber pembelajaran sejarah atau pendidikan sejarah di peringkat sekolah rendah. Kajian-kajiannya lebih berfokus ke atas masyarakat tempatan dalam bidang pemuliharaan, pemeliharaan, warisan dan penggunaan teknologi di Muzium Negeri Terengganu selepas pandemik Covid-19. Ini menunjukkan bahawa kajian berkaitan Muzium Negeri Terengganu masih kurang dikaji dan diberi penekanan secara mendalam dalam kalangan penyelidik tempatan. Justeru, kertas ini bertujuan mengkaji peranan Muzium Negeri Terengganu sebagai sumber pembelajaran sejarah dalam konteks pendidikan sejarah sekolah rendah serta menganalisis perkaitan kandungan Muzium Negeri Terengganu dengan sukatan kurikulum sejarah sekolah rendah.

SOROTAN LITERATUR

Kajian berkaitan pembelajaran muzium seperti Mahzan et al., (2017) mengkaji bahawa muzium berupaya membawa murid memperoleh inspirasi bagi berfikir secara kritikal

mengenai sumber utama sejarah atau interpretasi sejarah apabila berhadapan dengan kedua-dua ini dalam muzium. Murid juga didedahkan pengalaman bekerja secara langsung dengan sumber pembelajaran yang bukan sekadar mengukuhkan pemahaman terhadap pembelajaran konsep dari bilik darjah, tetapi sebahagian besar daripada kaedah untuk meningkatkan pelbagai kemahiran asas sejarah. Kajian Zuraidah dan Aimi (2023) mengkaji proses pembelajaran di muzium dapat dirangsangkan melalui metod melihat, pandang dan sentuh terhadap bahan dan koleksi Muzium Negara Kajian mereka juga tertumpu kepada teknik dan kaedah pembelajaran sejarah di muzium bagi membantu pelajar untuk memahami isi pelajaran sejarah. Kajiannya membincangkan muzium berperanan besar berbanding pendidikan formal dalam konteks pembinaan jati diri bangsa. Zuraidah dan Aimi (2023) mendapati muzium lebih menjurus pendidikan tidak formal yang memasyarakat muziumnya dan koleksi. Kajian Abdul Talib et al., (2023) mendapati muzium ialah sebuah tempat koleksi barangan yang terkait dengan tinggalan sejarah. Hal ini, koleksi tersebut berperanan sebagai sumber utama pembelajaran yang dapat merangsang minat pelajar dan melibatkan pelajar secara aktif. Muzium berperanan merangsang inkuiri untuk menyoal siasat interpretasi sejarah dengan melihat secara kritikal bagaimana muzium membina, mentafsir dan mempersembahkan masa lalu kepada masyarakat hari kini (Marcus et al., 2012). Kajian Nur Syazwani et al., (2019) turut membincangkan bahawa lawatan muzium berpotensi besar mengangkat peranan institusi muzium dalam negara.

Gambar 1

Bangunan Muzium Negeri Terengganu




Sumber: https://commons.wikimedia.org/wiki/File:Muzium_Negeri_Terengganu.jpg

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Berikut merupakan kerangka konseptual kajian ini yang bertajuk Institusi Muzium Negeri Terengganu Sebagai Sumber Pembelajaran Sejarah Sekolah Rendah: Satu Sudut Pandang Kurator.

Gambar 2

Kerangka Konseptual Kajian



METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes. Penyelidikan kualitatif merujuk kepada kajian yang dihasilkan daripada data deskriptif yang diperoleh berdasarkan catatan atau pengucapan dan pemerhatian terhadap tingkah laku seseorang (Taylor & Bogdan, 2015). Kajian kes dalam Patton (2002) pula menghuraikan proses kajian secara terperinci dan mendalam sesuatu kes yang ingin dikaji dalam konteks kajian tertentu. Pengkaji menggunakan tiga jenis metod kajian iaitu kaedah temu bual berstruktur, kaedah pemerhatian tidak turut serta dan kaedah analisis dokumen. Kaedah temu bual berstruktur telah dijalankan ke dua orang kurator Muzium Negeri Terengganu sebagai informan kajian bagi mendapatkan maklumat peranan muzium sebagai sumber pembelajaran sejarah, kaedah pemerhatian tidak turut serta pula melibatkan koleksi dan program sedia ada Muzium Negeri Terengganu dan kaedah analisis dokumen termasuklah buku rekod koleksi dan program Muzium Negeri Terengganu. Pengkaji menggunakan analisis tematik Braun dan Clarke (2006) iaitu analisis bertema secara induktif. Analisis bertema secara induktif ini melibatkan proses pengkaji membina tema sendiri berdasarkan interpretasi terhadap jawapan informan kajian. Pengkaji akan membaca data berulang kali, mengenal pasti data yang signifikan dengan soalan kajian, mengeluarkan dan membina tema serta membuat pengesahan tema daripada semakan pakar.

Pemilihan Sampel Kajian

Penyelidik memilih Muzium Negeri Terengganu sebagai pemilihan sampel bertujuan dalam kajian ini. Seramai dua orang kurator muzium telah dipilih sebagai informan kajian yang akan memberikan maklumat mengenai peranan Muzium Negeri Terengganu sebagai sumber pembelajaran sejarah dalam konteks pendidikan sejarah sekolah rendah. Antara kewajaran memilih Muzium Negeri Terengganu kerana muzium Negeri Terengganu merupakan kompleks terbesar di Asia Tenggara yang memiliki kekuatan dan keistimewaan yang tersendiri. Contohnya, Muzium Negeri Terengganu mempunyai artifak Batu Bersurat Terengganu yang asli dan tulen di ruang pintu utama masuk muzium. Selain itu, memiliki Galeri Sejarah, Galeri Maritim, Galeri Kraftangan dan Galeri Seni Batik. Muzium Negeri Terengganu juga tersenarai dalam Program 1 Inspirasi 1 Muzium yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2019 sebagai usaha melahirkan murid yang memahami dan mencintai sejarah tanah airnya di samping memasyarakatkan muzium.

Jadual 1

Informan Kajian

Informan Kajian	Umur	Tempoh Pengalaman Berkhidmat	Jawatan	Tempat Berkhidmat
IK 1	54 tahun	29 tahun	Penolong Pengarah Sejarah Kurator Muzium	Muzium Negeri Terengganu
IK 2	58 tahun	20 tahun	Penolong Pengarah Pameran dan Pendidikan Kurator Muzium	Muzium Negeri Terengganu

Sumber: Penyelidik

DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa dua objektif utama dalam kajian ini telah dijawab berdasarkan dapatan data yang telah diperolehi melalui kaedah temu bual berstruktur, pemerhatian tidak turut serta dan analisis dokumen. Pengkaji telah mengenal pasti bahawa Muzium Negeri Terengganu memainkan peranan sangat penting dalam konteks pendidikan sejarah sekolah rendah berdasarkan pandangan dua orang kurator muzium yang mempunyai luas pengalaman dan pengetahuan. Antara peranan Muzium Negeri Terengganu termasuklah mendidik melalui sentuhan objek, melestarikan seni warisan dan budaya bangsa dan pusat rujukan pembelajaran sejarah. Pengkaji juga mendapati perkaitan kandungan Muzium Negeri Terengganu dengan sukatan kurikulum sejarah sekolah rendah amat relevan dan signifikan kepada guru dan murid untuk mencari dan meneroka bahan sejarah.

1. Apakah peranan Muzium Negeri Terengganu sebagai sumber pembelajaran Sejarah dalam konteks pendidikan Sejarah sekolah rendah?

Berikut merupakan dapatan kajian soalan pertama bagi menjawab peranan Muzium Negeri Terengganu sebagai sumber pembelajaran sejarah dalam konteks pendidikan sejarah sekolah rendah menurut pandangan daripada dua orang kurator muzium.

Mendidik Masyarakat Melalui Sentuhan Objek

Daripada transkrip data temu bual, pengkaji mendapati bahawa informan kajian pertama mendedahkan bahawa peranan utama muzium ialah memiliki banyak koleksi objek berbentuk artifak yang boleh mendidik dan membawa masyarakat lebih memahami pengetahuan sejarah tanah air ini.

“Setiap sekolah kita tawarkan koleksi muzium tetapi kita beri keutamaan di sekolah-sekolah luar bandar yang payah nak datang ke muzium. Misalnya, kita bawa replika keris, Batu Bersurat dan kita sajikan kepada murid-murid di sekolah. Kita ajar mereka dengan elemen deria sentuh, lihat dan rasai” (IK1)

Muzium Sebagai Pelestarian Seni Warisan Dan Budaya Bangsa

Menurut pandangan informan kajian kedua, muzium turut berperanan penting dalam membantu melestarikan seni warisan dan budaya bangsa dalam kalangan masyarakat yang bermula daripada anak-anak kecil sejak dari bangku sekolah rendah lagi.

“Terengganu memiliki warisan wayang kulit. Kalau kita simpan sahaja. Tiada siapa nak main. Apakah kita tahu siapa penerus dan pengiat budaya. Kita banyak anjurkan program seni warisan budaya dalam kalangan murid sekolah rendah. mereka juga terlibat sebagai salah satu agen pelestarian seni, warisan, sejarah dan budaya yang ada di Malaysia khususnya Terengganu” (IK2)

Pusat Rujukan Pembelajaran Sejarah

Selain dua peranan tersebut, informan kajian pertama dan kedua muzium juga menyatakan bahawa muzium sebagai pusat rujukan pembelajaran sejarah kepada murid-murid sekolah rendah. Muzium membantu murid-murid sekolah rendah berupaya mendapatkan sebanyak mungkin ketulenan fakta dengan lebih tepat dan jitu yang melebihi cakupan daripada buku teks sejarah.

“Muzium sebagai sistem sokongan membawa dan mendekati para pelajar ke makam-makam ulama tersohor Terengganu bagi melaksanakan kajian-kajian mereka terutama pelajar STPM yang ambil sejarah. Muzium boleh dijadikan pusat rujukan murid mencari dan mendapatkan bahan bukti sejarah” (IK1, IK2)

Sistem Sokongan Pembelajaran Tidak Formal

Informan kajian pertama juga menyatakan bahawa Muzium Negeri Terengganu sangat relevan dan berkait dengan pembelajaran sejarah di sekolah. Informan kajian juga berpandangan bahawa apabila murid-murid berada di muzium, murid-murid lebih bersifat praktikal, memahami dan memudahkan proses pembelajaran dan pengajaran sejarah melalui pembuktian sesuatu peristiwa bersejarah.

“Muzium dengan sejarah memang ada perkaitan tetapi periodisasinya. Di muzium, kami akan interpretasi skop periodisasi dengan lebih luas berbanding skop di sekolah. Contohnya, kedatangan Islam di Asia Tenggara yang diceritakan dalam buku teks memang ada garis masa tertentu, tetapi di muzium, kami sediakan fakta yang lebih meluas dan bersifat praktikal. Belajar di dalam kelas, murid akan belajar berdasarkan percakapan guru tetapi di muzium, murid lebih mudah dan memahami secara khusus peristiwa fakta sejarah.”(IK1)

2. Sejauh manakah kandungan Muzium Negeri Terengganu mempunyai perkaitan dengan sukatan kurikulum sejarah sekolah rendah?

Berdasarkan dokumen analisis program dan koleksi sedia ada di Muzium Negeri Terengganu dan mengutip data temu bual daripada pandangan dua orang kurator muzium, kandungan Muzium Negeri Terengganu mempunyai perkaitan yang hampir sama dan tinggi dengan sukatan kurikulum sejarah sekolah rendah di Malaysia. Program dan koleksi di Muzium Negeri Terengganu amat relevan dengan keperluan semasa di sekolah rendah kini. Berikut disertakan jadual senarai semak bagi menganalisis tema-tema dalam Dokumen Standard Kandungan dan Prestasi (DSKP) sejarah sekolah rendah dengan dokumen analisis program dan koleksi di Muzium Negeri Terengganu.

Jadual 2

Dapatan kajian soalan 2: Perkaitan Muzium Negeri Terengganu dengan DSKP Sejarah Sekolah Rendah (Tahun 4)

Bil.	Tema	Ada	Tiada	Catatan
1.	1. Mari Belajar Sejarah			
	1.1 Pengertian dan Kemahiran Ilmu Sejarah	/		• Topik ini berkaitan dengan pameran di Galeri Sejarah, Muzium Negeri Terengganu
	1.2 Pengertian Diri dan Keluarga	/		• Contohnya, artifak Batu Bersurat Terengganu sebagai elemen asas sejarah
	1.3 Sejarah Sekolah	/		
	1.4 Kawasan Tempat Tinggal			
2.	2. Zaman Air Batu			• Tiada di Muzium Negeri Terengganu
	2.1 Zaman Air Batu		/	
3.	3. Zaman Prasejarah			
	3.1 Kehidupan Manusia Zaman Prasejarah	/		• Tema ini bersesuaian dengan pameran di Galeri Sejarah yang menceritakan kronologi zaman prasejarah
4.	4. Kerajaan Awal Negara			• Topik ini terdapat di Galeri Diraja yang menceritakan salah silah kesultanan Melayu.
	4.1 Kerajaan Melayu Awal	/		
5.	5. Tokoh Terbilang Kesultanan Melayu Melaka			• Terdapat di Galeri Diraja aras dua Muzium Negeri Terengganu
		/		

Bil.	Tema	Ada	Tiada	Catatan
5.1	Tokoh Terbilang Kesultanan Melayu Melaka	/		Mempunyai koleksi busana, singgahsana, alatan kebesaran diraja, batik, pingat diraja, anugerah diraja dan sejarah penubuhannya.
5.2	Pengasas Kesultanan Melayu Melaka	/		
5.3	Tun Razak Sebagai Bendahara Melaka	/		
5.4	Hang Tuah Sebagai Laksamana Melaka			

Sumber: Penyelidik

Berdasarkan Jadual 2, DSKP Sejarah Tahun 4 menunjukkan perkaitan yang tinggi dengan program dan koleksi pameran sedia ada di Muzium Negeri Terengganu. Tema Mari Belajar Sejarah amat sinonim dengan Galeri Sejarah iaitu artifak Batu Bersurat Terengganu sebagai elemen asas sejarah. Dalam tema ini, murid akan mempelajari elemen asas sejarah seperti pembuktian sesuatu peristiwa bersejarah terjadi dan sumber-sumber sejarah. Galeri Sejarah seperti artifak Batu Bersurat Terengganu akan membantu proses pembelajaran Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS). Tema Kerajaan Awal Negara dan Tokoh Terbilang Kesultanan Melayu Melaka pula signifikan di Galeri Diraja yang memaparkan koleksi busana, singgahsana, alatan kebesaran diraja dan ketokohan di Alam Melayu. Tema Zaman Prasejarah juga relevan dengan Galeri Sejarah yang mendedahkan kronolog zaman prasejarah manusia khususnya di Terengganu seperti Zaman Logam dan Zaman Paleolitik. Pengkaji mendapati tema Zaman Air Batu tidak mempunyai perkaitan dengan Muzium Negeri Terengganu.

Jadual 3

Dapatan kajian soalan 2: Perkaitan Muzium Negeri Terengganu dengan DSKP Sejarah Sekolah Rendah (Tahun 5)

Bil.	Tema	Ada	Tiada	Catatan
1.	6.0 Warisan Negara Kita			
	6.1 Institusi Raja	/		- Terdapat di Galeri Diraja aras dua Muzium Negeri Terengganu - Tema Agama Islam amat relevan dengan artifak Batu Bersurat Terengganu
	6.2 Agama Islam	/		
	6.3 Bahasa Melayu	/		

Bil.	Tema	Ada	Tiada	Catatan
2.	7.0 Perjuangan Kemerdekaan Negara	/		• Pameran Bergerak Kemerdekaan pada 28 Ogos 2023 di sekolah-sekolah rendah Hulu Terengganu dengan menyediakan koleksi pameran berkaitan kronologi penjajahan Tanah Melayu sehingga kemuncak kemerdekaan 1957.
	7.1 Campur Tangan dan Penjajahan Kuasa Asing	/		
	7.2 Perjuangan Menentang Campur Tangan dan Penjajahan	/		
	7.3 Sejarah Kemerdekaan 1957			
3.	8.0 Yang Di-Pertuan Agong			
	8.1 Institusi Yang di-Pertuan Agong	/		• Galeri Diraja aras dua Muzium Negeri Terengganu – Koleksi busana, singgahsana dan alatan
4.	9.0 Identiti Negara Kita			
	9.1 Jata Negara	/		• Pameran Bergerak Kemerdekaan di sekolah-sekolah Hulu Terengganu pada 1 September 2023.
	9.2 Bendera Kebangsaan	/		
	9.3 Lagu Kebangsaan	/		
	9.4 Bahasa Kebangsaan	/		
	9.5 Bunga Kebangsaan	/		• Terdapat di Galeri Diraja, Muzium Negeri Terengganu

Sumber: Penyelidik

Berdasarkan Jadual 3, program dan koleksi pameran di Muzium Negeri Terengganu menunjukkan perkaitan yang hampir sama dan menepati kesemua tajuk dalam sukatan kurikulum sejarah Tahun 5. Tema Warisan Negara Kita mempunyai perkaitan dengan pameran yang terdapat di Galeri Diraja Muzium Negeri Terengganu. Tema Agama Islam mempunyai signifikan dengan artifak Batu Bersurat Terengganu sebagai bukti arkeologi kedatangan agama Islam di Asia Tenggara. Tema Perjuangan Kemerdekaan pula sinonim dengan program pameran bergerak di sekolah-sekolah rendah Hulu Terengganu manakala tema Yang Di-Pertuan Agong berkait dengan Galeri Diraja dan tema Identiti Negara Kita menampilkan koleksi-koleksi di Galeri Diraja. Contohnya, keunikan Kesultanan Melayu Melaka seperti pakaian, pingat dan alatan kebesaran diraja. Muzium Negeri Terengganu turut menganjurkan program pameran bergerak di sekitar sekolah rendah Hulu Terengganu bagi mendidik generasi muda akan kepentingan menghargai dan memahami peranan Institusi Diraja. Ini menunjukkan bahawa tema-tema yang terdapat dalam DSKP sejarah Tahun 5 saling berkait antara program dan koleksi pameran Muzium Negeri Terengganu.

Jadual 4

Dapatan kajian soalan 2: Perkaitan Muzium Negeri Terengganu dengan DSKP Sejarah Sekolah Rendah (Tahun 6)

Bil.	Tema	Ada	Tiada	Catatan
1.	10. Negara Malaysia			
	10.1 Pembentukan Malaysia		/	• Tiada yang khusus di Muzium Negeri Terengganu
	10.2 Negeri-negeri di Malaysia		/	
	10.3 Rukun Negara		/	
2.	11. Kita Rakyat Malaysia			
	11.1 Kaum di Malaysia	/		• Berikut adalah program yang bertepatan dengan tema ini seperti; - Program Festival Budaya Terengganu pada Jun 2022 - Program Selongkar Budaya & Khazanah Warisan pada September 2022 - Pameran Gastronomi Alam Melayu pada Mac 2024
	11.2 Agama dan Kepercayaan di Malaysia	/		
	11.3 Perayaan Masyarakat di Malaysia		/	
3.	12. Pencapaian dan Kebanggaan Negara			
	12.1 Pemimpin Negara di Malaysia	/	/	• Tema ekonomi relevan di Galeri Petronas Malaysia yang menceritakan proses penggalian minyak dan sumber ekonomi negara
	12.2 Kemajuan Ekonomi di Malaysia		/	
	12.3 Sukan Kebanggaan Malaysia		/	
	12.4 Malaysia dan Dunia			

Sumber: Penyelidik

Berdasarkan Jadual 4, tema DSKP sejarah Tahun 6 masih dilihat mempunyai persamaan dengan kandungan Muzium Negeri Terengganu. Misalnya, tema ekonomi negara amat relevan dengan sejarah perkembangan ekonomi di Malaysia di Galeri Petronas. Manakala, tema Kita Rakyat Malaysia sangat berkait dengan program pendidikan Muzium Negeri Terengganu yang telah dianjurkan seperti Program Festival Budaya Terengganu, Program Selongkar Budaya & Khazanah dan Pameran Gastronomi Alam Melayu. Tema Kita Rakyat Malaysia turut berkait dengan koleksi pameran yang disediakan di Galeri Kraf dan Tekstil. Contohnya, pakaian tradisional dan kesenian orang Melayu-Islam. Walau bagaimanapun, tema Negara Malaysia tidak dapat menunjukkan perkaitan yang sesuai di Muzium Negeri Terengganu. Bahan-bahan tema ini lebih berfokus dan relevan di Muzium Negara, Kuala Lumpur.

PERBINCANGAN

Peranan muzium pada hakikatnya lebih mementingkan khidmat masyarakat sosial tanpa mengaut sebarang keuntungan. Muzium ialah institusi pendidikan yang mendidik dan membawa masyarakat lebih memahami, menghayati dan mempelajari sejarah sesebuah negara bangsa di Malaysia khususnya. Di sinilah proses penggalian utama untuk mendapatkan sumber primer terhadap kajian-kajian terdahulu dan terkini. Siti Aishah et al., (2023) menyatakan kelebihan muzium adalah menyediakan konsep pembelajaran dan pengajaran yang tidak berteraskan peperiksaan dan dalam masa yang sama menarik minat pengunjung. Muzium menyediakan koleksi-koleksi artifak yang asli dan tulen secara nyata supaya dapat diperhati, dilihat dan dirasai oleh setiap para pengunjung yang hadir di muzium. Elemen deria sentuhan, penglihatan, perasaan, penghayatan dan pemikiran amat relevan sebagai salah satu elemen penting pembelajaran di muzium. Ini disokong oleh Marcus et al., (2012) bahawa muzium membantu merangsang pemikiran inkuiri dalam kalangan murid-murid yang ingin belajar di muzium. Kebanyakannya kandungan di muzium amat menepati sukatan pelajaran yang terdapat di sekolah seperti yang termaktub dalam buku teks sejarah sekolah rendah. contohnya, artifak asli Batu Bersurat Terengganu yang ada dalam buku teks sejarah Tahun 5 amat relevan dengan peranan muzium yang menawarkan pendidikan sentuhan dan penglihatan secara realiti. Murid-murid berpeluang mempelajari dan meneroka artifak sebesar Batu Bersurat Terengganu di Muzium Negeri Terengganu berbanding hanya membaca nota dan fakta dalam buku teks semata-mata. Objek atau benda nyata merupakan aset terpenting yang dimiliki oleh muzium berbanding dengan wahana pendidikan yang lain. Maka, pembelajaran melalui objektif sebenar muzium bukan sahaja menyeronokkan malah memberi kepuasan serta meninggalkan kesan dan dapat bertahan lebih lama.

Muzium turut menawarkan pelbagai program berbentuk seni, warisan, sejarah dan budaya kepada masyarakat yang sinonim penubuhan utama muzium ialah pengekal warisan sejarah bangsa agar tidak ditelan arus zaman dan dibunuh secara senyap. Muzium Negeri Terengganu antara muzium yang aktif dalam menggiatkan pelbagai program budaya Terengganu yang menampilkan ciri-ciri keunikan, keindahan dan kesenian yang terdapat di Terengganu. Misalnya, Muzium Negeri Terengganu pernah mengadakan bengkel pembuatan wau dalam kalangan murid sekolah rendah yang ingin mempelajari. Bukan itu sahaja, peranan Muzium Negeri Terengganu dalam usaha menggarap agar dapat mengekal warisan sejarah bangsa turut turun ke sekolah-sekolah rendah dengan mengadakan program pendidikan muzium, koleksi dan pameran bercirikan Negeri Terengganu. Nur Syazwani et al., (2019) menyokong bahawa koleksi muzium sebagai daya penarik minat pelajar mempelajari sejarah dan objek yang dipamerkan merupakan bahan warisan negara. Muzium berperanan penting dalam menyedarkan masyarakat bahawa seni, warisan, sejarah dan budaya perlu memiliki pelapis yang akan meneruskan kelangsungan peninggalan warisan bangsa di tengah-tengah persekitaran global yang semakin mencabar. Penerusan kelangsungan warisan bangsa juga sentiasa mendapat perhatian di sekolah-sekolah dengan penganjuran bulan kebangsaan dan bulan kesenian yang dilihat bertepatan dengan peranan muzium. Muzium juga boleh menawarkan ceramah, program dan taklimat kepada setiap sekolah sebagai mesej penting menyedarkan kepentingan pengekal warisan negara bangsa.

Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang dimahukan oleh kerajaan iaitu pendidikan yang bersepadu dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan. Pendidikan muzium juga berupaya melahirkan para murid yang lebih matang, terbuka dan saintifik terhadap khazanah-khazanah

bersejarah di muzium itu sendiri. Hal ini disokong oleh Dwi Sri Ambarwati et al (2023) bahawa pedagogi pembelajaran berasaskan muzium merupakan satu cara mencetuskan idea atau inspirasi, memberi peluang murid untuk melihat dan berinteraksi dengan persekitaran sekeliling agar lebih berkembang meluas. Kewujudan muzium sangat membantu murid menjalankan pelbagai aktiviti bermanfaat di muzium. Contohnya, muzium menyokong elemen pembelajaran di luar bilik darjah (PLBD) di mana murid dapat menjalankan aktiviti penerokaan, penyelesaian masalah dan kajian kes di muzium. Di sini, guru sebagai fasilitator yang memberikan arahan sahaja dan murid akan mencari jawapan pada setiap soalan yang diberikan melalui aktiviti di muzium. Kajian Danang et al (2021) menunjukkan bahawa keperluan dalam mengoptimumkan penggunaan fungsi muzium sebagai alat pendidikan di luar bilik darjah dan sebahagian daripada program pendidikan kokurikulum sangat memerlukan kerjasama dan sokongan padu guru daripada peringkat kementerian dan jabatan pendidikan.

Pendidikan di sekolah adalah bersifat formal berbanding di muzium yang menyokong amalan pembelajaran tidak formal. Muzium juga sinonim dengan pembelajaran secara santai dan menyenangkan yang tidak memberikan tekanan kepada murid-murid sekolah rendah. Muzium Negeri Terengganu mendedahkan kepada pengetahuan di luar bilik darjah melalui pameran dan koleksi yang kaya dengan nilai-nilai sejarah tempatan. Ini secara tidak langsung membantu perkembangan elemen pengalaman, kontekstual dan pembelajaran terbeza berbanding teori semata-mata di dalam bilik darjah. Muzium Negeri Terengganu kini menyediakan ruang pembelajaran secara percuma seperti ceramah, bengkel dan seminar yang mampu membawa murid-murid sekolah rendah bercambah idea dan berkongsi pengalaman bersama-sama kurator dan guru di muzium. Hasnul Hadi et al., (2021) senada Zuraidah dan Aimi (2023) bersetuju bahawa peranan muzium sepatutnya menyokong pembelajaran sepanjang hayat dan berterusan tanpa henti. Muzium dipercayai dapat mengajar murid-murid sentiasa belajar dan berkembang daripada program dan koleksi sedia ada di Muzium Negeri Terengganu.

Abdul Jalal, Rahimin Affandi dan Muhd Imran (2022) menganalisis bahawa kefungsiannya institusi muzium meliputi pelbagai aspek termasuklah hub pendidikan sebagai cara masyarakat mendapatkan sumber pembelajaran. Kajian Badrul Isa (2017) senada S. Azman Ligun (2017) melihat kelebihan pendidikan di muzium memungkinkan pengunjung lebih memahami fakta melalui pembuktian objek, bukannya secara teori abstrak seperti yang dipelajari di sekolah serta muzium mesti menerapkan pemikiran sejarah kepada pengunjungnya. Peranan dan fungsi institusi muzium yang saling berkait rapat antara institusi pendidikan seperti sekolah menunjukkan satu hubungan jalinan yang baik dalam mengambil kira manfaat pembelajaran di muzium sebagai satu peluang kepada guru dan murid melaksanakan kaedah pembelajaran yang lebih berkesan. Kebanyakan input dalam buku teks adalah keseratan fakta yang bersifat mati dan sukar ditafsirkan oleh murid-murid sekolah rendah. Malahan, mata pelajaran sejarah dilihat sangat mencabar dan menyukarkan tahap pemahaman murid untuk memahami sesuatu peristiwa bersejarah yang dinaratifkan dalam buku teks tersebut. Murid cepat berasa jemu, bosan dan kaku melihat keseratan fakta yang tidak dikeluarkan secara pelaksanaan amali seperti mata pelajaran Sains yang mengutamakan pembelajaran berasaskan eksperimen di mana murid boleh meneroka dan mencari kesan daripada sesuatu fenomena.

Apabila guru masuk sahaja di dalam kelas mengajar mata pelajaran sejarah, murid seolah tertutup dan sempit pemikirannya bahawa mata pelajaran sejarah hanya membaca, menyalin dan menghafal nota dalam buku teks. Shakila Dahlan (2015) menyokong bahawa mata

pelajaran sejarah juga terdapat aspek penerokaan yang tersendiri seperti lima kategori pemikiran sejarah yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu memahami kronologi, menerokai bukti, membuat interpretasi, membuat imaginasi dan membuat rasionalisasi. Aspek penerokaan dan pencarian bukti sesuatu peristiwa bersejarah secara realitinya tidak boleh wujud dalam satu situasi Sahaja. Guru dan murid sebenarnya boleh memanfaatkan muzium sebagai salah satu strategi berkesan dalam proses pembelajaran dan pengajaran bersama-sama di samping membantu menyokong kaedah pembelajaran di luar bilik darjah (PLBD). Kita dapat sendiri bagaimana peranan Muzium Negeri Terengganu khususnya berupaya menyediakan program dan koleksi pameran yang hampir sama dengan kandungan buku teks atau sukatan kurikulum sejarah sekolah rendah. Cakupan kandungan di Muzium Negeri Terengganu seperti artifak Batu Bersurat Terengganu sebagai bahan sumber primer sejarah Islam di Asia Tenggara cukup kukuh murid boleh mengaplikasikan pembelajaran berasaskan penerokaan, pembelajaran berasaskan kontekstual, pembelajaran berasaskan pengalaman dan pembelajaran berasaskan projek. Contohnya, guru sebagai fasilitator menyediakan satu tugas menjalankan kajian kes berkaitan pembuktian Islam di Asia Tenggara dalam kalangan murid sekolah rendah. guru memberi peluang kepada murid mendapatkan sebanyak mungkin fakta yang melebihi daripada kandungan buku teks seperti tarikh penemuan, lokasi penemuan, faktor penemuan dan implikasi penemuan kepada peradaban Melayu. Secara tidak langsung, ini telah mengintegrasikan amalan teori dengan amali fizikal di Muzium serta meledakkan aspek Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) iaitu pencarian bukti dan signifikan.

Program kerjasama antara Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan pihak Jabatan Muzium Malaysia (JMM) juga boleh diperluaskan lagi kepada bengkel pementapan pedagogi berkaitan pendidikan muzium. Menurut Siti Aisyah et al (2023), kerjasama ini memberikan manfaat kerana sekolah boleh menggunakan muzium sebagai sekolah kedua kerana artifak dan kepakaran *museumology* yang terdapat di muzium yang boleh digunakan sepenuhnya. Guru-guru yang kurang mahir dalam pedagogi menggunakan artifak boleh memohon pertolongan kurator. Pihak KPM dan JMM boleh berunding dalam menyediakan modul pendidikan kepada pelajar sekolah mengikut umur dan subjek khusus. Maka, penggunaan artifak atau replika dapat didedahkan kepada semua murid sekolah serta kita mampu memanfaatkan semaksimum mungkin muzium yang wujud di Malaysia. Hal ini muzium di Malaysia sering dilabelkan muzium sunyi sepi tanpa pengujung, kini muzium telah dilihat lebih signifikan kepada masyarakat sosial.

Perkaitan yang wujud secara holistik antara muzium dengan sekolah amat membantu murid lebih mendekati muzium yang memberikan kelebihan dan manfaat penting dalam perkembangan intelektual murid terhadap ilmu sejarah. Zuraidah dan Aimi Khairunisa (2023) menyokong bahawa muzium seharusnya memainkan peranannya sebagai usaha memasyarakatkan muzium. Ini dapat difahami bahawa muzium dan masyarakat berpisah tiada dan perlu seiring menemui sebagai satu ruang ilmiah bermakna. Muzium Negeri Terengganu amat komited dalam penganjuran program-program berteraskan pendidikan sejarah di sekitar sekolah-sekolah rendah di Terengganu. Setiap program yang dianjurkan mempunyai mesej yang tersurat dan tersirat kepada masyarakat. Guru dan murid sepatutnya boleh mengambil peluang untuk menyertai setiap program pendidikan sejarah yang diadakan oleh pihak muzium. Muzium Negeri Terengganu juga institusi yang menawarkan perkhidmatan percuma tanpa bayaran. Jelas menunjukkan bahawa khidmat muzium untuk semua lapisan masyarakat tanpa mengira pangkat, latar belakang, bangsa dan kaum. Guru sejarah khususnya berupaya

merancang dan melaksanakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) mengikut tema-tema yang ada dalam sukatan kurikulum sejarah dengan menyesuaikan kandungan muzium. Guru boleh mengkaji terlebih dahulu apa-apa koleksi yang terdapat di muzium yang boleh diintegrasikan dalam topik-topik sejarah tertentu. Misalnya, tajuk Ekonomi Negara Malaysia Tahun 5 dilihat sangat relevan dengan Galeri Petronas di Muzium Negeri Terengganu. Guru mampu membawa murid ke muzium untuk melihat secara nyata perkembangan ekonomi Malaysia dengan lebih jelas dan dekat.

KESIMPULAN

Konklusinya, peranan institusi Muzium Negeri Terengganu amat mustahak dalam membangunkan modal insan dalam aspek pendidikan dan pembelajaran sejarah. Keunggulan Muzium Negeri Terengganu sepatutnya tidak boleh dipertikai dan diragui sama sekali oleh mana-mana pihak kerana sejarah silam telah membuktikan bahawa muzium adalah antara salah satu gedung terbesar sebagai penyimpanan khazanah berharga bangsa dan negara. Muzium juga memiliki disiplin ilmu yang paling dinamik dalam konteks zaman moden yang merentasi pelbagai cabang di Malaysia terutamanya. Diharapkan kertas kajian ini mampu menyuntik benih kesedaran dalam kalangan masyarakat agar lebih menghargai dan menanam perasaan bangga akan kewujudan muzium tempatan sebagai satu sumber kearifan tempatan dalam negara sekali gus dirintiskan menjadi kajian-kajian lanjutan ke peringkat global. Pengkaji berharap kajian Muzium Negeri Terengganu sebagai sumber pembelajaran sejarah sekolah rendah ini berupaya dijadikan sebahagian rujukan kepada para pendidik dan murid bagi memanfaatkan peranan muzium dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran berasaskan muzium yang lebih segar, baharu dan berkesan.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus dari mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan dalam sektor awam, komersial, atau sektor tidak berasaskan keuntungan.

SUMBANGAN PENGARANG

Kesemua bahagian dalam penulisan ini dihasilkan secara bersama oleh semua penulis makalah.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis melaporkan bahawa tiada sebarang kepentingan bersaing yang perlu diisytiharkan.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Abd Jalal, A.F., Abdul Rahim, R.A., & Abd Razak, M.I. (2022). Etika Muzium dalam Displin Muzium Semasa Berdasarkan Etika Muzium ICOM dan Perpesktif Islam (Museum Ethnics in Current Museum Discipline Based on ICOM's Museum Ethnics and Islamic Perspective). *UMRAN – Journal of Islamic and Civilization Studies*, 9(2), 1-17 <https://doi.org/10.11113/umran2022.9n2.550>
- Asma Wan Mohd Sis (2023). *Faktor Yang Mempengaruhi Kekerapan Lawatan Pengunjung Ke Muzium Negeri Terengganu*. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.
- Badrul Isa (2017). *Museum Pedagogy and Learning Experiences: An Investigation Into Museum Education From Instructional Perspectives*. Tesis Phd School of Education, RMIT University.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2007). *Kamus Dewan Bahasa edisi ke-4*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dwi Retno Sri Ambarwati, Dwi Wulandari, Badrul Isa, Eni Puji Astuti, & I Wayan Suardana (2023). Museum-based learning for creativity: Indonesian and Malaysian teachers' expectation vs reality. *Humanities, Arts and Social Sciences Studies*, 23(2), 316 - 326. <https://doi.org/10.14456/hasss.2023.29>.
- Danang Prasetyo Toba Sastrawan Manik, Dwi Riyanti (2021). Pemanfaatan Musuem Sebagai Objek Wisata Edukasi. *Kepariwisata: Jurnal Ilmiah Volume 15 Nomor 1 Januari 2021: 1 – 11*.
- Dale, E. (1969) *Audio Visual Methods Teaching*. New York: Holt Rinehart and Winston Inc.
- Hasnul Hadi bin Tengah, Mansor bin Abd Rahman, Anisah binti Harun (2021). Muzium Sebagai Sumber Pembelajaran Sejarah. *Jurnal Akademik Minda Pendidik Jilid 8 ISSN-2289-2532*
- International Council of Museums (1995). *Museums and Comunnity*. Stavager.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2019). *Dokumen Standard Kandungan dan Prestasi (DSKP) Sejarah Pendidikan Rendah*.
- Ligun, S. A., Awang, M. M., Ahmad, A. R., Hamzah, M. I., & Hasan, N. W. (2017). Muzium sebagai instrument pembelajaran sejarah luar bilik darjah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5(1), 19-30
- Lewis. 1994. *Experiential learning: Past and present*. London: Summer.

- Marcus, A.S, Stoddard, J.D., Woodward, W.W. (2012). *Teaching history with museums*. Routledge.
- Mohd Mahzan Awang, S. Azman Ligun, Abdul Razaq Ahmad, Mohd Isa Hamzah, Noor Wahida Hasan (2017). Muzium sebagai Instrumen Pembelajaran Sejarah Luar Bilik Darjah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik Januari 2017* 5(1): 19-30.
- Nur Farehah Ghazali (2021). *Keberkesanan Penggunaan Sistem Virtual Museum Dalam Pameran Koleksi Di Muzium Negeri Terengganu*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Malaysia Kelantan
- Nur Syazwani Abdul Talib, Kamaruzaman Abdul Ghani & Nur Azuki Yusuff (2019). Kaedah Pembelajaran Sejarah Berasaskan Lawatan Ke Muzium. *Insaniah: Online Journal of Language, Communication, and Humanities Volume 2 (1), June 2019*
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative Research & Evaluation Methods: Integrating Theory and Practice*. 3rd Edition. Sage Publications
- Siti Aishah Yahya, Zuraidah Hassan & Aimi Khairunnisa Abdul Karim (2023). Pendidikan Muzium Membantu Pedagogi Pembelajaran dan Pengurusan Stres Dalam Kalangan Pelajar: Satu Kajian Teori dan Konsep. *Prosiding Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara (SUTERA) ke-2*
- Syed Ismail Syed Mustapa, Pushpavalli A. Rengasamey, Meor Aris Meor Hamzah & Rosly Mohd. Sani (2017). *Sumber Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah*. Sasbadi Sdn. Bhd.
- Shakila Che Dahalan (2015). *Kemahiran Pemikiran Sejarah Melalui Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) Oleh Guru Pelatih*. Tesis Sarjana Sastera (Pendidikan) Universiti Sains Malaysia.
- Zuraidah Hassan, Aimi Khairunnisa Abdul Karim (2023). Metod Pendidikan Muzium (Melihat, Pandang dan Sentuh) memberi kesan yang memberangsangkan kepada pelajar dalam proses pembelajaran sama ada pendidikan formal dan bukan formal. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 20 (2). Pp 348